

952

pelajar

baru PJJ

mendaftar

SERDANG (17 Jun) – Bagi menepati tuntutan belajar sepanjang hayat, seramai 952 pelajar baru mendaftar untuk mengikuti Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) sesi 2005/2006 di Pusat Pendidikan Luar Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

840 daripada jumlah tersebut mengikuti tujuh program Bacelor yang ditawarkan iaitu, Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris), Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu), Pentadbiran Perniagaan, Komunikasi, Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa pertama), Sains Pembangunan Sumber Manusia dan Sains Pembangunan Manusia.

Jumlah ini meliputi hanya dari Semenanjung Malaysia dan belajar di pusat-pusat pembelajaran berdekatan yang dilantik oleh UPM.

KOMITMEN

Seterusnya, baki 112 pelajar lagi mengikuti program Master. Kali ini UPM menawarkan program Master Sastera (Bahasa Melayu), Komunikasi Korporat, Pembangunan Sumber Manusia dan Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama). Kesemua penuntut perlu hadir ke UPM Serdang bagi mengikuti kuliah secara bersemuka.

Menurut Pengarah PPL, Prof. Dr Abdul Aziz Saharee “Pihak universiti mengagumi semangat anda semua untuk mengikuti PJJ di UPM yang pastinya memerlukan komitmen yang tinggi bagi memajukan diri dan menambahkan ilmu pengetahuan.”

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam majlis perasmian dan bacaan ikrar pelajar baru semester pertama 2005/2006.

Menurutnya lagi, disiplin dalam diri faktor penting untuk menjadi pelajar PJJ kerana kebanyakannya adalah bekerja dan hidup berkeluarga. Beliau turut mengingatkan tiada jalan mudah untuk beroleh kejayaan.